

**PENGGUNAAN *FIQH AL-MASLAHAH* WA *AL-MAQASID* DALAM FATWA-FATWA TERPILIH
NEGERI PERLIS DARI TAHUN 1998-2008**

FAISAL BIN HUSEN ISMAIL

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2011**

**PENGGUNAAN *FIQH AL-MASLAHAH* WA *AL-MAQASID* DALAM FATWA-FATWA TERPILIH
NEGERI PERLIS DARI TAHUN 1998-2008**

FAISAL BIN HUSEN ISMAIL

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2011**

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

18 November 2010

FAISAL BIN HUSEN ISMAIL

P-HM0006/08 (R)

PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah Taala di atas keizinan dan inayahNya tesis ini dapat diselesaikan. Selawat serta salam kepada junjungan alam Nabi Muhammad s.a.w, keluarga Rasulullah dan sahabat-sahabat seluruhnya.

Sokongan dan komitmen pelbagai pihak telah memberi impak yang berguna dalam menghasilkan hasil kajian ini selayaknyalah penghargaan diberikan kepada kalian. Ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia tesis yang berbahagia Dr. Jasni bin Sulong yang menjadi penuntun jalan dalam cita merealisasikan tesis ini. Begitu juga ucapan terima kasih diucapkan kepada Dr. Hasanah Abd Khafiz sebagai penyelia bersama yang telah memberikan sumbangannya dalam menambahbaikkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan Perpustakaan Pusat Islam Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam Pulau Pinang, Perpustakaan Awam Kangar Negeri Perlis, Perpustakaan Awam Alor setar Kedah, Perpustakaan Kolej Insaniah Kedah, Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Perlis, Perpustakaan Ali Hasymy dan Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri Ar-Raniri di Banda Aceh.

Penghargaan juga ditujukan kepada Sahibus Samahah, Tuan Mufti Negeri Perlis Dr. Hj Juanda bin Haji Jaya dan semua ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, kerana banyak memberi kerjasama dan kepercayaan dalam melakukan penyelidikan disertasi ini. Begitu juga terima kasih diucapkan kepada seluruh kakitangan Jabatan Mufti Negeri Perlis, terutama Timbalan Mufti (Pegawai Istinbat), Ustaz Roslan Md Esa kerana telah memberikan kerjasama dan layanan yang mesra ketika berada di sana.

Terima kasih tak lupa diucapkan juga kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) Universiti Sains Malaysia kerana telah banyak membantu dalam hal kewangan melalui pembiayaan Fellowship Universiti Sains Malaysia selama 2 semester pengajian ini sehingga memudahkan kajian tesis diselesaikan. Hanya Allah yang dapat membalasnya.

Jutaan terimakasih juga diucapkan kepada seluruh keluarga tercinta yang banyak memberikan dokongan dan dorongan semangat selama melakukan kajian ini. Teristimewa buat isteri tersayang, segala pengorbanan dan kesetiaanmu tiada bandingan nilai di dunia yang mampu menyainginya.

Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung membantu untuk menghasilkan kajian ini, semuanya didahului dengan ucapan terima kasih, hanya Allah yang mampu membalas jasa kalian semua.

Sekian, terima kasih

Faisal Bin Husen Ismail

18 November 2010

Bertam Putra, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI TRANSLITERASI	ix
SENARAI SINGKATAN	x
ABSTRAK.....	xi
ABSTRACT	xii

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Kajian	1
1.1 Pernyataan Masalah	6
1.2 Objektif Kajian	9
1.3 Kepentingan Kajian	9
1.4 Skop Kajian	10
1.5 Tinjauan Kajian Lepas	11
1.6 Metodologi Kajian	15
1.7 Metode Pengumpulan Data.....	16
1.7.1 Metode/kaedah Kepustakaan	16
1.7.2 Metode Historis	17
1.7.3 Metode Dokumentasi.....	18
1.7.4 Metode/Kaedah Temubual	18
1.7.5 Metode Penentuan Subjek	19
1.7.6 Metode Penafsiran dan Penulisan	20
1.7.6.1 Metode Induktif (الإستقراء)	20
1.7.6.2 Metode Deduktif (الإستنتاج)	21
1.7.6.3 Metode Analisis	21
1.7.6.4 Metode Komparatif	22

BAB 2

AL-MASALIH AL-MURSALAH DAN MAQASID AL-SYARI'AH SEBAGAI SATU METODE ISTINBAT HUKUM DAN KAITAN ANTARA KEDUANYA

2.0 Pendahuluan	23
2.1 Sejarah Kewujudan <i>al-Masalih al-Mursalah</i> Sebagai Sumber Hukum	24
2.2 Pengertian <i>al-masalih al-mursalah</i>	27
2.2.1 Pengertian Secara Bahasa	27
2.2.2 Pengertian Secara Istilah	29
2.3 Tinjauan dan jenis-jenis <i>Al-Maslahah</i>	36
2.3.1 <i>Maslahah</i> yang berdasarkan dalil syarak	36
2.3.2 Tinjauan <i>Al-Maslahah</i> dari segi kekuatannya	39
2.3.3 Tinjauan dari sudut cakupan <i>Al-Maslahah</i>	42
2.3.4 Tinjauan <i>Al-Maslahah</i> dari segi berubah atau tidak	44
2.4 <i>Maslahah</i> dan hubungannya dengan <i>Maqasid al-Syari'ah</i>	46
2.4.1 Pengertian <i>Maqasid al-Syari'ah</i>	46
2.4.2 Hubungan <i>al-Masalih al-Mursalah</i> dan <i>Maqasid al-Syari'ah</i>	47
2.4.3 Pemakaian <i>Maslahah</i> dalam <i>Maqasid al-Syari'ah</i>	52
2.5 Pandangan Ulama Terhadap kehujahan <i>Maslahah</i>	60
2.6 <i>Al-Maslahah wa Al-Maqasid</i> sebagai Istilah	64

BAB 3

INSTITUSI FATWA PERLIS : LATAR BELAKANG DAN PERANAN

3.0 Pendahuluan	69
3.1 Sejarah Perlis	69
3.2 Islam di Perlis	72
3.2.1 Era Kedatangan Islam	72
3.2.2 Gerakan Islam di Perlis	76
3.3 Pentadbiran Agama Islam di Perlis	82
3.4 Fatwa dan Peranannya	85
3.5 Sejarah Penubuhan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis	91
3.6 Fungsi dan Struktur Organisasi Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis	94

3.7 Kaedah <i>Istinbat</i> Hukum oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis	96
3.7.1 Proses Penetapan Fatwa	97
3.8 Sumber Rujukan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis	101

BAB 4

Analisis Terhadap Metode Penggunaan *Al-Masalih Al-Mursalah* dan *Maqasid Al-Syari'ah* oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

4.0 Pendahuluan	107
4.1 Fatwa dan Analisis	107
4.2 Penggunaan Tag Telinga pada Binatang Korban	110
4.2.1 Laporan Fatwa	110
4.2.2 Analisis Hukum/Fatwa	111
4.3 Hibah Kepada Ahli Waris Ketika Hidup	116
4.3.1 Laporan Fatwa	116
4.3.2 Analisis Hukum/Fatwa	117
4.4 Hukum Penjualan Arak di Hotel	120
4.4.1 Laporan Fatwa	120
4.4.2 Analisis Hukum/Fatwa	123
4.5 Pemberian Harta Pusaka kepada <i>Dhu Al-Arham</i>	124
4.5.1 Laporan Fatwa	124
4.5.2 Analisis Hukum/Fatwa	126
4.6 Hukum Menyembunyi Ahli Waris	131
4.6.1 Laporan Fatwa	131
4.6.2 Analisis Hukum/Fatwa	133
4.7 Hukum Seseorang Islam Yang Mengaku Bukan Islam Kerana Mengelak dari Ditangkap atau Sebab-Sebab Lain	134
4.7.1 Laporan Fatwa	134
4.7.2 Analisis Hukum/Fatwa	137
4.8 Hukum Mengenai Anjing	140
4.8.1 Laporan Fatwa	140
4.8.2 Analisis Hukum/Fatwa	142
4.9 Kewajaran Mewajibkan Pemeriksaan Kesihatan HIV Bagi Bakal Pengantin	146
4.9.1 Laporan Fatwa	146
4.9.2 Analisis Hukum/Fatwa	147
4.10 Hukum Peraduan SMS dan Menyertainya Mengikut Pandangan Islam	149
4.10.1 Laporan Fatwa	149
4.10.2 Analisis Hukum/Fatwa	151
4.11 Hukum Pementasan Teater Nabi Yusof	155
4.11.1 Laporan Fatwa	155
4.11.2 Analisis Hukum/Fatwa	156
4.12 Hukum Percantuman Benih Untuk Mendapat Zuriat	159
4.12.1 Laporan Fatwa	159
4.12.2 Analisis Hukum/Fatwa	161
4.13 Hukum Pelaburan Internet Dan Skim Cepat Kaya	165
4.13.1 Laporan Fatwa	165

4.13.2 Analisis Hukum/Fatwa	167
4.14 Isu Pertukaran Nama Bapa Kepada Abdullah	170
4.14.1 Laporan Fatwa	170
4.14.2 Analisis Hukum/Fatwa	171

BAB 5

RUMUSAN

5.0 Pendahuluan	176
5.1 Kesimpulan	176
5.2 Cadangan	184
Bibliografi	190-207

LAMPIRAN

LAMPIRAN SATU	208
LAMPIRAN DUA	212
LAMPIRAN TIGA	220
LAMPIRAN EMPAT	224
LAMPIRAN LIMA	231
LAMPIRAN ENAM	233
LAMPIRAN TUJUH	239
LAMPIRAN LAPAN	244
LAMPIRAN SEMBILAN	248
LAMPIRAN SEPULUH	250
LAMPIRAN SEBELAS	252
LAMPIRAN DUA BELAS	254

SENARAI TRANSLITERASI¹

Huruf Arab	Huruf Melayu	Huruf Arab	Huruf Melayu
ء	'	ض	d
ا	a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	هـ	h
س	s	و	w
ش	sy	ي	y
ص	s	ة	h
Vokal 'Arab	Huruf Melayu	Diftong	Huruf Melayu
آ	a	أو	aw
أو	u	أى	ay
إى	i	يُ	iy/i
Vokal Pendek	-	ؤ	uww
َ	a		
ِ	i		
ُ	u		

¹ *Daftar Ejaan Rumi Baru Bahasa Malaysia* (1987), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; lihat juga *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi* (2001), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

SENARAI SINGKATAN

ed.	edisi/cetakan
H	Hijriyah
hal.	halaman
Ibid.	Ibidem bermaksud rujukan sama dengan yang disebutkan di atas.
loc.cit.	loco citato bermaksud rujukan yang telah disebutkan di belakang daripada buku dan muka surat yang sama tetapi telah didahului oleh rujukan lain
op.cit.	operete citato bermaksud rujukan yang telah disebutkan di belakang daripada buku yang sama tetapi muka surat yang berbeza dan telah didahului rujukan lain
M	Masihi
r.a	Radiyallahu ‘Anhu/ ‘Anha.
s.a.w	Sallallahu ‘Alaihi Wassalam
s.w.t	Subhanahu wa Taala
t.t	Tanpa Tarikh
t.p	Tanpa Penerbit
t.t.p	Tanpa Tempat Penerbit
w	Wafat
dll	Dan lain-lain
b.	Bin
bil.	Bilangan
MAIPs	Majelis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
MKBHEAI	Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam
Dr.	Doktor
Ph.D	Doktor Falsafah (Doctor of Philosophy)
JAKIM	Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia
AAOIFI	Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions (Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam)

**Penggunaan *Fiqh Al-Maslahah Wa Al-Maqasid* Dalam Fatwa-Fatwa Terpilih
Negeri Perlis Dari Tahun 1998-2008**

Abstrak

Maslahah merupakan salah satu sumber perundangan dalam Islam. Penerimaan *maslahah* sebagai konsep yang tersendiri sama ada dalam *usul al-fiqh* secara umumnya dan *maqasid al-syari'ah* khususnya telah menjadikan konsep ini diamalkan oleh kebanyakan ulama hari ini. Biarpun demikian, masih terdapat pro dan kontra tentang masalah ini sehingga ke hari ini. Ini kerana terdapat pelbagai andaian dan dakwaan yang berbeza dalam kalangan pengkaji *usul al-fiqh* ketika menyandarkan kepada para ulama *usul* terhadap konsep tersebut. Begitu juga dengan salah faham tentang *maslahah* yang sebenar telah menyebabkan hukum-hukum yang diberikan kadangkala tidak sesuai dengan kehendak syarak. Fokus kajian ini adalah menyentuh *maslahah* dan hubungannya dengan *maqasid al-syari'ah* ke atas beberapa fatwa terpilih di Negeri Perlis yang dikeluarkan dari tahun 1998 hingga 2008. Kajian ini mendapati adanya hubungan rapat di antara *maslahah* dan *maqasid al-syari'ah*, di mana *maslahah* yang tidak menepati *maqasid al-syari'ah* adalah bukan *maslahah*. Hubungan yang erat tersebut didapati daripada analisis ke atas fatwa-fatwa Negeri Perlis dari tahun 1998 hingga 2008. Kajian ini juga mendapati bahawa yang dimaksudkan dengan berpegang dan merujuk langsung kepada al-Quran dan al-Hadith oleh Undang-Undang Pentadbiran Agama Negeri Perlis tahun 1964 adalah sebenarnya merujuk kepada mazhab-mazhab fikah yang sedia ada dengan meneliti dalil-dalil yang dikemukakan (*tarjih*) kemudian menganalisis dan mengambil dalil yang kuat (*rajih*) daripada mana-mana mazhab tanpa terikat kepada mazhab tertentu.

**The Using of *Fiqh al-Maslahah wa al-Maqasid* on Selected Fatwas In Perlis from
1998-2008**

Abstract

Maslahah is one of the sources of legislation in Islam. The acceptance of *maslahah* as a distinct concept either in *al-fiqh* in general or in *maqasid al-syari'ah* in particular have made this concept be practiced by most scholars today. Even though there are pros and cons of this issue today as there are many different assumptions and views among the jurists/scholars when they referred to the *usul al-fiqh* at large. Hence, a misunderstanding about this concept had cause certain laws or views not in line with the syariah and even go against the syariah. The focus of this study is regarding *maslahah* and its connection with *maqasid al-syari'ah*. The Study was based on the selected fatwas from the State of Perlis which were issued from 1998 to 2008. This study also triggered to touch on the practice of the Syariah Committee of Perlis in issuing fatwa without binding to any school of fiqh. Sources of this research is based on the literature, books, minutes of meetings, reports of fatwa and interviews. The study found that there is a very close correlation between *maslahah* and *maqasid al-syari'ah* and it was proved that *maslahah* that does not in line with *maqasid al-Syari'ah* is not *maslahah*. The close relationship is seen from fatwas which were issued by The Syariah Committee of Perlis (Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis) from 1998 to 2008. The study also found that the meaning of refering directly to the al-Quran and al-hadith in The Constitution of Perlis in 1964 is referring to the school of fiqh (mazhab) of the existing jurisprudence by examining the evidences submitted and analysing as well as chosing the strong evidence (*rajih*) from any mazhab without being bond to a particular mazhab.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Al-Quran sebagai rujukan utama dalam literasi hukum Islam hanya menjelaskan prinsip-prinsip dasar dalam ibadah mahupun muamalah. Al-Quran telah mengatur segala persoalan kehidupan manusia dalam bentuk *habl min Allah* (hubungan dengan Allah) dan juga *habl min al-nas* (hubungan dengan manusia) dengan menyebutkan prinsip-prinsip dasar, yang kemudiannya diterjemah dan dikembangkan dalam masyarakat Islam dengan memperhatikan beberapa aturan yang telah digariskan, misalnya tidak boleh menambah, mengurangi atau merubah dalam hal ibadat, seperti sabda Nabi s.a.w :

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

“Sesiapa yang melakukan suatu amalan (ibadah) yang tidak ada dalam ketetapan kami, maka amalnya itu ditolak”.¹

Manakala dalam bidang muamalah, Allah SWT lebih memberikan ruang yang besar kepada umat manusia (Islam) untuk mengaturnya dengan cara yang baik dan berdasarkan *maqasid al-syari‘ah* (tujuan syariat). Sabda Nabi s.a.w :

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ.

“ Kamu lebih tahu tentang urusan duniamu “.²

Pada awal perkembangan Islam, umat Islam langsung merujuk kepada Rasulullah untuk mendapatkan jawapan terhadap permasalahan yang dihadapi. Tetapi setelah Rasulullah wafat, Sahabat Nabi telah menggunakan metode pengambilan hukum (*istinbat*

¹ Muslim Ibn Hajjaj al-Naysaburi, (1985), *Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah, no. hadith 1718, jld. 2, hal. 16.

² *Ibid.*, hal. 340.

al-ahkam)³ dengan cara *ijma'*⁴ sebagai sandaran hukum (*masadir al-ahkam*) setelah al-Quran dan hadith. Setelah Islam meluas ke daerah-daerah yang jauh dari Madinah, diikuti dengan tersebarnya Sahabat Nabi ke serata ceruk dan rantau,⁵ maka *ijma'* menjadi perkara yang agak sukar untuk dicapai lagi. Kemudian ulama telah memformulasikan metode *istinbat al-ahkam* (metode pengambilan hukum) dengan satu metodologi hukum yang lebih tersusun dan terancang yang diawali Imam Al-Syafi'i dalam kitab *al-Risalah*⁶ yang dikenali dengan usul al-fiqh (metodologi penyelidikan hukum Islam)⁷ yang mencakupi sumber asas hukum iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Berasaskan daripada kedua sumber rujukan itu pula telah membentuk sumber-sumber rujukan terbitan, pertama ialah *ijma'* di mana berlakunya kesempatan *fuqaha'* dalam menetapkan hukum-hukum baru. Sumber kedua ialah *al-Qiyas* (*analogical deduction*), merupakan metode perbandingan hukum juga berdasarkan kepada dua sumber utama al-Quran dan al-hadith.⁸ Kemudian terdapat bermacam-macam metode *istinbat* hukum yang lain seperti *Istihsan*, *al-Masalih al-Mursalah*, *Istishab* dan sebagainya yang difahami *fuqaha'* (*jurist*) dari tujuan disyariatkan hukum Islam.

Perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi yang pesat serta interaksi global dengan masyarakat dunia menyebabkan banyak masalah baru yang timbul dalam masyarakat Islam, sehingga masih banyak yang belum ada jawapan hukum dan juga

³ Secara bahasa *istinbat* bererti mengeluarkan, menemukan dan menciptakan. Secara istilah *istinbat* adalah proses pengambilan hukum (penggalan hukum) dengan menggunakan segenap kemampuan. Lihat Louis ma'luf Al-Yasu'i (1908), *Al-Munjid*. Beirut: Matba'ah al-Katulikiyah, hal. 432; Muhammad Abu Zahrah (1985), *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabi, hal. 115.

⁴ *Ijma'* adalah kesepakatan para *mujtahid* muslim daalam memutuskan suatu masalah selepas Rasul SAW terhadap hukum syar'i terhadap suatu masalah. Lihat Abd al-Wahhab al-Khallaf (1978), *Ilm al-Usul al-Fiqh*. Mesir: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah Syabab al-Azhar, hal. 45; Lihat juga Yusuf al-Qardawi, *op. cit.*, hal. 49.

⁵ Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, hal. 8-12.

⁶ Yusuf al-Qardawi (1999 M/1419 H), *Al-Fiqh al-Islami Baina al-Asalah wa al-Tajdid*. Kaherah: Maktabah Wahbah, hal.19.

⁷ Ibn Khaldun (t.t), *Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 360.

⁸ Ibn Al-Najjar (1993), *Syarh Kaukab al-Munir*. ed. 1, Riyad: Maktabah al-'Abaikan, Jld. 1, hal. 36.

keterangan yang jelas dan terperinci dalam al-Quran dan Sunnah. Masalah-masalah tersebut sepatutnya dibahas dan diselesaikan melalui metode *istinbat al-ahkam* yang sesuai dengan semangat dan asas Islam yang ada dalam teks nas syarak. Walaupun undang-undang syariah Islam berpaksikan kepada wahyu yang bersifat kebal, tetapi masih banyak ruang diberi kebenaran kepada manusia (*fuqaha'*) untuk menggunakan fikiran yang dipandu syarak bagi mencapai kesempurnaan pelaksanaan dan pengamalan perundangan itu. Malahan *fuqaha'* telah menjadi pelopor dan penggerak kepada penerokaan dan pengembangannya sejajar dengan perubahan keadaan, masa dan tempat⁹ yang dihadapi masyarakat Islam. *Ijtihad* perlu untuk terus dikembangkan supaya Islam tidak terus tertinggal dan terus dapat konsisten dalam menyelesaikan pelbagai masalah yang wujud dalam masyarakat moden hari ini. Terma *ijtihad* adalah untuk mengenali petunjuk agama Allah yang dibawa oleh Rasul-Nya.

Ijtihad merupakan suatu usaha yang berterusan dan sungguh-sungguh bagi menetapkan hukum terhadap suatu masalah yang tidak ada hukum dan keterangan yang jelas dalam al-Quran dan al-hadith¹⁰ atau masalah lama yang telah ada keputusannya yang memerlukan kepada pembaharuan (*tajdid*).¹¹ *Al-Masalih al-mursalah* dan *maqasid al-Syari'ah* adalah salah satu jawapan kepada tuntutan *ijtihad* kepada perkara yang dihadapi masyarakat Islam. *Al-Masalih al-mursalah* merupakan salah satu saluran kepada *ijtihad* dan diambil kira dalam menentukan sesuatu hukum. Sebagai salah satu metode *istinbat al-ahkam*, maka perlulah kepada adanya kajiselidik terhadap konsep *al-masalih al-mursalah*.

⁹ Ahmad Hassan (1982), *The Early Development of Islamic Jurisprudence*. Islamabad: Islamic Research Institute, hal. 12-32.

¹⁰ Yusuf al-Qardawi (1996), *Al-Ijtihad fi al-Syar'iah al-Islamiyah*. Kuwayt: Dar al-Qalam, hal. 11.

¹¹ *Ibid.*, hal. 101-102; lihat juga Yusuf Al-Qardawi (1993), *Al-Ijtihad al-Mu'asir Baina al-Indibat wa al-Infatih*. Kaherah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr, hal. 12.

Dengan mengetahui konsep *al-masalih al-mursalah* maka dapat dipelajari kemungkinan pengembangannya untuk masa sekarang ini sebagai salah satu metode terpenting dalam *istinbat al-ahkam*. Mengkaji dan mengembangkan cara-cara *istinbat al-ahkam* sekarang dirasakan sangat mendesak untuk mewujudkan fiqh Islam yang selaras dengan perkembangan dunia moden sekarang ini.

Maslahah merupakan salah satu metode *istinbat al-ahkam* yang masih sangat sesuai (*relevan*) dengan program Islamisasi (*tajdid*) hukum Islam serta mempunyai dan memberikan ruang yang besar kepada *mujtahid* untuk mengistinbat hukum yang bersesuaian dengan kepentingan zaman dan tempat yang berubah begitu cepat. Ia dapat dijadikan sebagai suatu kerangka kerja besar bagi *mujtahid* dalam menyelesaikan masalah yang wujud pada zaman moden sekarang ini. *Maslahah* memberikan peluang kepada ulama untuk berfatwa kemudian berubah fatwanya pada waktu yang lain mengikut kepada adanya pertimbangan tertentu yang diperbolehkan oleh syarak.

Kajian terhadap *maslahah* sangat perlu demi untuk menghasilkan hukum yang berkualiti dan bersesuaian dengan perkembangan masyarakat dan kehendak agama (*maqasid al-syari'ah*), sehingga hukum yang diistinbat tersebut bukan sekadar menjadi hiasan buku-buku yang dihasilkan para cendekiawan muslim, akan tetapi menjadi hal yang diinginkan untuk dilaksana oleh penganut agama Islam khususnya dan umat-umat yang lain amnya, seperti yang telah dilakukan oleh para sahabat, *tabi'in* dan *atba' al-tabi'in*. Seterusnya hukum yang dihasilkan juga sesuai dengan perkembangan zaman yang berkembang pesat melalui kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi moden, sama ada *ijtihad* terhadap masalah yang baru yang belum ada hukumnya mahupun usaha untuk mencari penyelesaian (*solution*) baru terhadap masalah yang sudah ada hukumnya pada

zaman dahulu akan tetapi *ijtihad* tersebut sudah kurang sesuai dengan zaman sekarang. Contohnya: fatwa Yusuf al-Qardawi tentang wajibnya zakat pendapatan, yang kadarnya dipersamakan dengan zakat pertanian.¹²

Dalam realiti di Malaysia, amalan berfatwa juga adalah perkara yang telah lama diamalkan. Fatwa telah wujud semenjak Islam sampai ke Tanah Melayu untuk memperjelas sesuatu hukum syarak.¹³ Biarpun pada awalnya belum ada satu institusi khas yang bertugas mengeluarkan fatwa, tetapi secara amalnya proses mengeluarkan fatwa telah dilakukan oleh ulama Tanah Melayu untuk menjawab perkara-perkara yang menjadi kemusykilan masyarakat Islam tempatan. Setelah melalui tempoh waktu yang lama, keperluan untuk diwujudkan suatu institusi khas (Jabatan Mufti) yang bertugas untuk menyelesaikan masalah-masalah agama yang timbul dalam masyarakat Islam dirasakan amat perlu. Di Malaysia sekarang terdapat 14 Jawatankuasa Fatwa yang berautoriti dalam mengeluarkan fatwa di setiap negeri dan kesemuanya mempunyai dasar serta proses fatwa tersendiri. Setiap negeri diberi kebebasan sepenuhnya untuk menggubal sebarang dasar yang berkaitan dengan urusan agama,¹⁴ sehingga membolehkan Jawatankuasa Fatwa masing-masing negeri memilih untuk merujuk kepada sumber-sumber tertentu dalam proses mengeluarkan fatwa.¹⁵ Bersandarkan kepada asas ini, Jawatankuasa setiap negeri mempunyai metode (*manhaj*) tersendiri dalam merujuk kepada sumber-sumber hukum tertentu.¹⁶

¹² Yusuf al-Qardawi (1994), *Fiqh al-Zakat*, Beirut: Muassasah al-Risalah jld. 1, hal. 489.

¹³ Muhammad Rawwas al-Qal'aji (1996), *Mu'jam Lughah al-Fuqaha`*. Beirut: Dar al-Nafais, hal. 308.

¹⁴ Perlembagaan Persekutuan, Bahagian 1, Perkara 3 (2).

¹⁵ Lihat misalnya Seksyen 38 (1), Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Kedah, No. 9 Tahun 1962; Seksyen 42 (1), Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Selangor, No. 3, Tahun 1952.

¹⁶ Lihat misalnya Seksyen 40 (1), Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Sabah No.13 Tahun 1992.

1.1 Pernyataan Masalah

Perlis merupakan negeri yang menjadi pendokong kepada ajaran *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Ini berasaskan kepada peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis yang menyatakan bahawa agama bagi Negeri Perlis ialah Islam *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.¹⁷ Oleh itu semua tindakan dan keputusan yang berkaitan dengan hukum syarak akan dilihat mengikut persepsi *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. Pendekatan yang diambil dalam perkara berhubung hukum syarak ialah merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah yang berautoriti (muktabar) tanpa terikat dengan mana-mana mazhab.¹⁸ Manakala negeri-negeri yang lain mengamalkan pendekatan yang merujuk kepada mazhab tertentu (Mazhab Al-Syafi'i).

Berasaskan fakta di atas, beberapa persoalan telah timbul diantaranya; mengapa Perlis mengamalkan suatu pendekatan yang berlainan dengan semua negeri lain di Malaysia? Apakah sumber-sumber hukum yang menjadi rujukan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis ketika hendak mengeluarkan keputusan fatwa, yang antaranya berbeza dengan negeri-negeri yang lain? Seperti isu "bin Abdullah" kepada muallaf. Sejauh manakah Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis menggunakan *masalahah* atau *masalih al-mursalah* sebagai rujukan hukum ketika sesebuah fatwa ingin dikeluarkan serta bagaimana untuk mengenalpasti kedudukan *masalahah* ini? Adakah *masalahah* yang digunakan selari dengan *maqasid al-syari'ah* atau bagaimana? Sebagai contoh, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis lebih mengutamakan pemberian harta pusaka yang tidak ada pewaris *ashab*

¹⁷ Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (1948), hal. 4.

¹⁸ Undang-Undang Pentadbiran Agama Perlis (1964), hal. 6-7.

al-furud dan ‘*asabahnya* kepada *dhu al-arham* berbandingkan baitulmal¹⁹ dan kedudukan ”bin Abdullah” bagi anak luar nikah sedangkan negeri-negeri lain memutuskan sebaliknya. Persoalan-persoalan ini merupakan permasalahan utama yang memerlukan jawapan dan menjadi kunci kepada kesinambungan kajian ini. Oleh itu, satu kajian yang mendalam perlu dibuat terhadap pendekatan penggunaan fiqh *al-maslahah wa al-maqasid* yang digunakan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis.

Kajian ini perlu dilakukan untuk membetulkan kefahaman masyarakat yang menganggap Negeri Perlis tidak merujuk kepada *maslahah* kerana berpegang kepada al-Quran dan Sunnah. Sedangkan dalam berpegang kepada al-Quran dan Sunnah Negeri Perlis juga merujuk kepada *maslahah* yang menjadi *maqasid* kepada nas syarak tersebut demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Kedudukan *maslahah* sering menjadi perdebatan dalam penentuan suatu hukum. Campur aduk antara *maslahah* dan *mafsadah* menyebabkan penilaian terhadap keduanya memerlukan kepada standard yang jelas dan konsisten apabila melibatkan kontradiksi antara keduanya. Manakala kontradiksi antara *maslahah* dengan *maslahah*, ataupun *maslahah* dengan *mafsadah*, mahupun *mafsadah* dengan *mafsadah* berlaku dan memerlukan kepada kejelasan dan pentarjihan tertentu agar tidak berlaku tindakan mengutamakan mana-mana posisi yang membawa kepada tersasar dari *maqasid al-syari’ah*.

Jelasnya, kajian ini adalah untuk menyelesaikan beberapa permasalahan dalam bidang *maslahah* khasnya dan usul al-fiqh amnya, antaranya adalah:

¹⁹ Kertas Kerja bil. 3, minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah bil. 2, bertarikh 1 Jun 1999 dan telah disahkan dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis bil. 3, 28 Ogos 1999.

- (a) *Maslahah* mempunyai penilaian yang berbeza dalam kalangan ulama. Ada ulama menganggap sesuatu perkara itu sebagai *maslahah*, tetapi tidak sedemikian bagi ulama yang lain. Keadaan ini menjadi salah satu elemen kepada perselisihan pandangan dalam kalangan mereka khususnya dalam menilai *al-maslahah wa al-maqasid*.
- (b) Masalah perbezaan dalam menilai *maslahah* wujud hingga ke hari ini apabila fatwa antara negeri-negeri di Malaysia sebagai contoh, memberikan justifikasi yang berbeza hingga melahirkan fatwa yang berbeza. Keadaan ini boleh menimbulkan salah faham kepada masyarakat umum mengenai yang manakah pertimbangan dan nilai yang betul kepada “*maslahah*” itu benar-benar *maslahah*?
- (c) Adakah *al-masalih al-mursalah* yang diguna pakai dalam fatwa Negeri Perlis sesuai dengan *maqasid al-syari‘ah* (kehendak syarak)? Maksudnya, adakah *maslahah* itu bersesuaian dengan maksud *maslahah* yang telah digariskan dan diterima pakai oleh ulama-ulama yang berautoriti (*mu‘tabar*) atau dengan kata lain, tidak bertentangan dengan hukum syarak (*maqasid al-syari‘ah*)?

Semua persoalan ini perlu dijawab dan dikaji bagi memperjelas keaburan yang ada dalam kalangan masyarakat tentang pendekatan yang diterapkan di Negeri Perlis, yang secara umumnya berbeza daripada negeri-negeri lain di Malaysia.

1.2 Objektif Kajian

Tujuan penyelidikan ini untuk mencapai objektif-objektif berikut :

1. Menyelidik mengenai *masalah* dan *maqasid al-syari'ah*, serta hubungan antara keduanya dalam penilaian hukum.
2. Mengenalpasti metode penggunaan *masalah* dalam undang-undang dan kaedah penilaian Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis.
3. Menganalisis fatwa-fatwa terpilih yang dikeluarkan oleh jawatankuasa Syariah Negeri Perlis untuk meneliti tentang hubungannya dengan *masalah* atau *masalih al-mursalah* dan meneliti ketepatan penggunaannya dari sudut *maqasid al-syari'ah*.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini dianggap penting kerana dapat memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang peranan fatwa dalam Islam serta *manhaj* yang digunapakai oleh ulama semenjak dahulu hingga zaman sekarang ini. Melalui kajian ini juga masyarakat dapat mengetahui dengan lebih jauh dan mendalam panduan dan sandaran yang dipakai serta dapat mengetahui sedikit sebanyak tentang proses diputus dan dikeluarkan fatwa. Keadaan ini mudah-mudahan dapat membentuk masyarakat yang lebih berilmu kemudian berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mengaplikasikannya dalam kehidupan. Kajian ini juga dapat membantu masyarakat dalam memahami tentang hujah yang digunakan untuk memutuskan sesuatu hukum, terutama hujah berasaskan *masalah*, kerana tuntutan menggunakan *masalah* banyak yang disalah artikan oleh sesetengah umat Islam hari ini.

Begitu juga untuk pihak MAIPs sendiri, moga-moga dengan kajian ini dapat bermanfaat untuk penambahbaikan lagi proses mengeluarkan hukum dengan menggunakan *masalah*. Dengan mengetahui kelebihan dan kekurangan ini, pihak yang bertanggung

jawab dapat meningkatkan lagi peranan dan fungsi institusi fatwa agar lebih dihormati dan disegani serta menjadi tempat rujukan yang utama dalam masalah-masalah agama yang timbul dalam kalangan masyarakat.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat memberi beberapa maklumat penting sebagai cadangan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengetahui standard serta tahap yang telah dicapai bagi sesebuah fatwa. Melalui kajian ini diharap dapat memberikan *input* baru dalam proses mengeluarkan fatwa dengan menggunakan *masalahah* dengan disokong oleh hujah-hujah yang kuat seterusnya dapat diterima oleh masyarakat yang memiliki tingkat intelektual yang sudah semakin maju hari ini.

1.4 Skop kajian

Secara terperinci batas kajian akan menumpukan kepada *masalahah* dan *maqasid al-syari'ah* iaitu sejauhmana penilaian bahawa sesuatu *masalahah* itu dikehendaki dan menjadi matlamat yang telah digariskan oleh syarak. Seterusnya, fokus penyelidikan akan menganalisis metode penggunaan sumber hukum yang didasarkan kepada *masalih al-mursalah wa al-maqasid syari'ah* yang digunapakai oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis sebagai badan hukum yang berkuasa dalam perkara fatwa. Analisis kajian dihadkan ke atas fatwa-fatwa terpilih oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis dalam tempoh 10 tahun iaitu antara tahun 1998 hingga 2008. Julat tahun 1998 hingga 2008 dipilih adalah kerana pada tahun-tahun tersebut banyak fatwa yang diputus dan dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah, sehingga memudahkan untuk dilakukan pengkajian disebabkan banyaknya bahan yang tersedia. Disamping juga fatwa-fatwa yang diputus dan dikeluarkan adalah fatwa-fatwa terkini. Seterusnya fatwa-fatwa yang diputus juga bersentuhan dengan *masalahah* dan *maqasid al-syari'ah*.

1.5 Tinjauan Kajian Lepas

Di Malaysia, terdapat beberapa buah kajian yang membincangkan tentang *masalah*. Semua kajian tersebut merupakan disertasi-disertasi yang ditulis pada peringkat sarjana mahupun Doktor Falsafah (Ph.D). Antara disertasi di peringkat sarjana adalah thesis Ph.D Universiti Sains Malaysia bertajuk "Al-Masalih Al-Mursalat Sebagai Suatu Metode *Istinbat* Hukum Dan Kesesuaiannya Dengan Pembaharuan Hukum Islam" oleh Mukhsin Nyak Umar.²⁰ Walaupun kajian ini memberi tumpuan kepada *al-masalih al-mursalat* tapi skop kajian ini adalah bersifat universal iaitu membicarakan *al-masalih al-mursalat* dari segi kesesuaian penggunaannya dalam pengembangan hukum Islam di alam moden.

Begitu juga Thesis Ph.D di Universiti Malaya yang bertajuk "Standard *masalah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum Islam semasa di Malaysia" oleh Ridzwan Bin Ahmad.²¹ Kajian ini menumpukan kepada penentuan aras standard kepada *masalah* dan *mafsadah* yang memfokus kepada isu-isu semasa di Malaysia. Justeru, ia berbeza dengan kajian yang akan dilakukan daripada segi skop kajian iaitu berhubung dengan isu-isu di Malaysia secara umum tanpa fokus kepada negeri tertentu, sedangkan kajian yang akan dilakukan akan difokus kepada Negeri Perlis sahaja.

Manakala kajian disertasi pada peringkat master pula, kajian yang bertajuk "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa 1990-2000"

²⁰ Mukhsin Nyak Umar (2000), *Al-Masalih Al-Mursalat Sebagai Suatu Metod Istinbat Hukum Dan Kesesuaiannya Dengan Pembaharuan Hukum Islam*, Thesis (Ph.D) Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK), Universiti Sains Malaysia (USM).

²¹ Ridzwan Bin Ahmad (2005), *Standard masalah dan mafsadah dalam penentuan hukum Islam semasa di Malaysia*. Thesis (Ph.D.) -- Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

oleh Mohd Akram Bin Dahaman @ Dahlan²² di Universiti Malaya. Disertasi ini secara asasnya mengkaji persoalan sejarah perkembangan fatwa dimulai dari zaman Sahabat sehingga kini. Disertasi ini juga membicarakan tentang perkembangan Institusi fatwa Negeri Perlis. Kemuncak disertasi ini adalah analisis terhadap fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis dari sudut ketepatannya dengan rujukan yang telah disepakati dan dimaktubkan dalam Undang-Undang Pentadbiran Agama Perlis tahun 1964 tentang rujukan fatwa.

Kajian ini menunjukkan bahawa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis ketika merujuk kepada Al-Quran dan Hadith bukanlah hanya merujuk kepada kedua-duanya sahaja, tetapi juga merujuk kepada pendapat mazhab yang muktabar. Kajian yang dilakukan adalah berasas kepada fatwa yang dikeluarkan mulai dari tahun 1990 hingga 2000 dari sudut ketepatan dan kesahihan metode penggunaan sumber rujukan hukum.²³ Kajian ini tidak memfokus *masalah* serta skop tahun berbeza memberi ruang untuk penulis mengkaji tajuk berkenaan dengan *masalah*.

Ada juga kajian pada peringkat sarjana yang dilakukan Mohd Nazri Bin Asiabu yang bertajuk : "Penggunaan *Maslahah* dalam Fatwa : Kajian Kes bagi Fatwa-Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia" di Universiti Malaya.²⁴ Kajian ini memfokus kepada penggunaan *masalah* dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, sedangkan kajian yang akan dilakukan adalah memfokus penggunaan

²² Mohd Akram Bin Dahaman @ Dahlan (2005), *Metod Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-Fatwa Tahun 1990-2000*. Dissertation (M.Syariah) Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

²³ *Ibid.*, hal. 162.

²⁴ Mohd Nazri Bin Asiabu (2004), *Penggunaan masalah dalam fatwa : kajian kes bagi fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia*. Dissertation (M.Usuluddin) -- Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

masalah dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Begitu juga kajian di atas tidak memfokus kepada julat tahun, sedangkan kajian yang akan dilakukan adalah memfokus kepada julat kes fatwa iaitu tahun 1998-2008.

Begitu juga kajian peringkat sarjana yang bertajuk "*Al-Maslahah al-Mursalah* dan pembaharuan Hukum Islam" oleh Muhammad Mawardi Djalaluddin di Universiti Kebangsaan Malaysia.²⁵ Kajian ini membicarakan tentang *al-maslahah al-mursalah* daripada segi kesesuaian pembaharuan hukum Islam dalam menghadapi cabaran dunia moden hari ini.

Begitu juga kajian peringkat sarjana yang bertajuk "*The Concept of Maslahah With Special Reference to Imam Al-Ghazali: A Study of Its Relevance to Islamization of Knowledge*" oleh Hayatullah S/O Laluddin di International Islamic University Malaysia.²⁶ Kajian *masalah* pada tesis ini adalah berbeza dengan kajian yang akan dilakukan daripada sudut skop kajian. Fokus kajian tesis di atas adalah kepada kefahaman *masalah* dalam pandangan Imam Al-Ghazali sahaja, sedangkan yang akan dikaji tidaklah terikat kepada pendapat Al-Ghazali sahaja. Manakala kes yang dikaji pula adalah kes fatwa yang diputus oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis.

Begitu juga perbincangan *masalah* dan *maqasid al-syari'ah* dan perkara yang berkait dengan keduanya telah menjadi salah satu topik yang diberi penekanan oleh ulama silam. Antara hasil tulisan karya mereka adalah al-Mustasfa karangan al-Ghazali,²⁷

²⁵ Muhammad Mawardi Djalaluddin (2008), *Al-Maslahah al-Mursalah dan pembaharuan hukum Islam*, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

²⁶ Hayatullah S/O Laluddin (June 1998), *The Concept of Maslahah With Special Reference To Imam Al-Ghazali: A Study of Its Relevance To Islamization Of Knowledge*", Degree of Master of Islamic Revealed Knowledge and Heritage (*Fiqh and Usul al-Fiqh*), Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia (IIU Malaysia).

²⁷ Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (t.t), *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Madinah al-Munawwarah: Al-Jami'ah al-Islamiyyah.

Maqasid al-syari'ah 'Inda Ibn Taymiyah karangan Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawi²⁸ dan *al-Muwafaqat* karangan al-Syatibi²⁹

Begitu juga dengan ulama kini yang menjadi penerus kepada usaha ulama silam dengan membuat beberapa penyesuaian dan beberapa penambahan kepada idea asal agar lebih pragmatis (mudah diamalkan) menurut keadaan persekitaran yang sudah berbeza dengan zaman dahulu serta menyusunnya dengan lebih baik. Namun asas perbincangan mereka adalah masih berkisar tentang *maslahah* dan *maqasid al-syari'ah* secara umum yang melibatkan pengertian *maslahah* dan *maqasid al-syari'ah*, kedudukannya, hukumnya dan beberapa tajuk yang berkenaan dengan beberapa syarat penerimaan *maslahah*. Antara hasil tulisan tersebut adalah *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah* karangan Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti.³⁰ Begitu juga dengan buku-buku yang lain yang ditulis ulama masa kini dengan paparan dan penyusunan yang lebih menarik seperti *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am* karangan Ahmad al-Zarqa,³¹ dan *Fiqh al-Maslahah wa Tadbiqaha al-Mu'asarah*, karangan Husain Hamid Hasan.³² Buku-buku ini telah memberikan input yang banyak terhadap kajian ini terutama perkara yang berkaitan dengan *maslahah*.

Penulisan ini secara umumnya telah membuat kajian yang menyeluruh terhadap *maslahah* dan *maqasid al-syari'ah*. Bermula dengan kewujudan *masalih al-mursalah* sebagai salah satu sandaran hukum serta *maqasid al-syari'ah* yang menjadi garis panduan kepada sandaran hukum fatwa daripada pengasas empat mazhab utama (Imam Abu

²⁸ Yusuf Ahmad Muhammad al-Badawi (t.t), *Maqasid al-Syari'ah 'Inda Ibn Taymiyah*. Jordan: Dar al-Nafais.

²⁹ Abi Ishaq al-Syatibi (t.t), *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*, Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.

³⁰ Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (t.t), *Dawabit al-Maslahah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*. Muassasah al-Risalah.

³¹ Mustafa Ahmad al-Zarqa (2004), *Al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*, Dimasyq: Dar al-Qalam.

³² Husain Hamid Hasan (t.t), *Fiqh al-Maslahah wa Tadbiqaha al-Mu'asarah*. (t.p).

Hanifah, Imam Malik, Imam Al-Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal). Secara umumnya karya-karya dalam bahasa arab ini lebih menekankan persoalan asas mengenai *maslahah* dan kajiannya masih sangat umum.

Secara umumnya, berdasarkan pemerhatian kepada penulisan-penulisan yang berkaitan dengan *al-masalih al-mursalah*, masih belum ada kajian secara khusus yang memfokus kepada *al-masalih al-mursalah* yang digunakan oleh Jawatankuasa Syariah dalam memutuskan hukum fatwa, begitu juga hubungkait antara *maslahah* dengan *maqasid al-syari'ah* untuk membentuk satu kesatuan hukum yang saling mendukung satu dengan lainnya. Kalaupun ada kajian tentang *maslahah*, skop dan tempatnya adalah berbeza. Oleh itu, satu kajian yang terperinci terhadap penggunaan *maslahah* dalam fatwa hukum yang dikeluarkan Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis perlu dilakukan supaya sebarang penemuan yang didapat dari hasil kajian dapat diterapkan dan disampaikan kepada masyarakat dan pihak-pihak yang terkait disamping dapat memberi manfaat kepada pengkaji sendiri.

1.6 Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan suatu proses, suatu set perkakasan bagi melaksanakan suatu penyelidikan dan perolehan maklumat serta juga suatu seni bagi melaksanakan suatu karya sains. Penyelidikan ilmiah ini adalah merupakan satu kajian yang berbentuk kualitatif³³ kerana berkaitan dengan ilmu Islam bahkan merupakan salah satu cabang terpenting dalam ilmu Islam yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Kajian ini menumpukan kepada proses pengumpulan data yang berbentuk fakta, kes dan amalan

³³ Penelitian kualitatif adalah suatu bentuk penyelidikan sosial yang berfokus pada cara orang menafsirkan dan memahami pengalaman mereka dan dunia di mana mereka tinggal. Lihat Immy Holloway (1997), *Basic Concepts for Qualitative Research*. London, Oxford: Blackwell science Ltd, hal. 1.

sebagai kumpulan maklumat yang akan dianalisis bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan. Proses kajian ini adalah melibatkan fasa-fasa penyelidikan sebagaimana berikut;

1.7 Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data dan fakta bagi mendapatkan maklumat sebenar berhubung konsep, dasar dan amalan ulama ketika berijtihad adalah berdasarkan metode berikut:

- a) Metode Kepustakaan
- b) Metode Historis
- c) Metode Dokumentasi
- d) Metode Temubual
- e) Metode Penentuan Subjek

1.7.1 Metode/Kaedah Kepustakaan

Bentuk data kajian akan dikumpul melalui kaedah perpustakaan. Melalui kaedah ini, pencarian maklumat adalah yang paling banyak tertumpu dan terkumpul guna mendapatkan maklumat yang lebih tepat (*accurate*) dan benar.³⁴ Hal ini perlu demi untuk menjamin kesahihan segala maklumat yang diambil sama ada berkaitan definisi, sejarah, prinsip, konsep dan sebagainya. Kaedah ini diaplikasikan (*tatbiq*) pada setiap bab iaitu bab dua dan bab tiga yang membicarakan mengenai konsep *masalih al-mursalah* dan *maqasid al-syari'ah* serta hubungan antara keduanya serta sejarah mengenai Islam dan perkembangannya di Negeri Perlis. Manakala bab empat yang melibatkan analisis terhadap fatwa-fatwa yang di dalamnya dimuat beberapa pendapat ulama yang berlainan pandangan terhadap perkara yang dibincang dan diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis.

³⁴ Abd Al-Wahhab Ibrahim Abu Sulayman (1986), *Kitabah al-Bahth al-'Ilmi*. ed. 3, Jeddah: Dar al-Syuruq, hal. 21.

Data yang dikumpul juga merujuk kepada semua data-data primer yang berbentuk dokumen sama ada dalam bentuk penulisan moden di dalam buku ensiklopedia, kertas persidangan, tesis dan jurnal ataupun dalam bentuk penulisan manuskrip dalam digest-digest lama.

Untuk memenuhi kehendak ini, beberapa buah perpustakaan telah digunakan sama ada perpustakaan di Penang, Kedah mahupun Perlis termasuk perpustakaan persendirian yang terdapat di rumah. Perpustakaan-perpustakaan di Pulau Pinang yang digunakan adalah Perpustakaan Hamzah Sendut, Perpustakaan Pusat Pengajian Islam yang keduanya berada dalam kawasan Universiti Sains Malaysia (USM) serta Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang. Sementara di Kedah antara perpustakaan yang dikunjungi adalah Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Kolej Insaniah (KUIN). Di Perlis pula antara perpustakaan yang dikunjungi adalah Perpustakaan Mufti yang berada di pejabat Jabatan Mufti Negeri Perlis dan juga Perpustakaan Awam Negeri Perlis serta perpustakaan persendirian milik Ustaz Dahlan Mohd Zain di Mata Ayer. Seterusnya Perpustakaan yang dikunjungi di Aceh (Indonesia) adalah Perpustakaan Ali Hasymy di Banda Aceh Propinsi Nagroe Aceh Darussalam (NAD) Indonesia dan Perpustakaan Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Ar-Raniri di Banda Aceh.

1.7.2 Metode Historis

Metode ini adalah merujuk kepada bukti-bukti dan fakta-fakta sejarah³⁵ yang primer yang menceritakan tentang sejarah Perlis dan daerah-daerah disekitarnya, juga sejarah kedatangan dan perkembangan Islam di Perlis mulai dari zaman awal sampai Islam di

³⁵ Syawqi Dayf (1973), *Al-Bahth al-Adabi, Tabi' atuhu, Manahijuhu, Usuluhu, Masadiruhu*. Mesir: Dar al-Ma'arif, hal. 17-18.

Perlis sehingga kehari ini, dengan menumpukan perhatian kepada proses gejala, peristiwa atau konsep yang lahir pada masa lalu. Metode ini lebih lebih menjurus kepada segala rekod-rekod dokumentasi silam yang menceritakan sejarah perkembangan masyarakat Islam di Perlis dalam mewujudkan Islam sebagai peneraju umat setelah dipengaruhi budaya agama sebelumnya (Buddha). Perbincangan perkara ini akan dimuatkan dalam bab ketiga.

1.7.3 Metode Dokumentasi

Dokumentasi adalah himpunan atau kumpulan bahan atau dokumen (yang dapat digunakan sebagai asas bagi sesuatu kajian, penghasilan sesuatu terbitan dan lain-lain) ataupun benda bertulis yang dapat memberikan berbagai macam keterangan.³⁶ Bagi memenuhi metode ini, data-data adalah dikumpulkan berasaskan maklumat yang didapati daripada kajian terhadap penulisan dan dokumen fatwa yang terdapat di dalam rekod Jabatan Mufti Negeri Perlis, antaranya minit mesyuarat Jawatankuasa Syariah dan keputusan-keputusan permasalahan serta fatwa.

Untuk mendapatkan maklumat penulisan dan dokumen ini, pengkaji perlu mendapat keizinan dan kebenaran daripada Jabatan Mufti selain keizinan daripada ahli-ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis dengan tanggungan mereka.

1.7.4 Metode/Kaedah Temubual

Kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan data-data atau maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara yang dibincangkan dalam kajian ini khususnya maklumat yang tidak didokumentasikan.³⁷ Maklumat tersebut seperti penjelasan tentang sejarah penubuhan

³⁶ Lihat Dewan Bahasa dan Pustaka (1996), *Kamus Dewan*. Edisi ketiga, Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, hal 312.

³⁷ K.M. Evans (1971), *Planning Small Scale Research*. Bristol: J.W. Arrowsmith Ltd, hal. 32.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis (MAIPs), sejarah penubuhan Jawatankuasa Syariah dan sedikit sebanyak perkara tentang metode penggunaan *masalih al-mursalah* dalam fatwa. Setiap temubual akan dirangka dan ditetapkan tarikhnya mengikut keperluan bagi setiap bab kajian ini. Antara responden-responden yang ditemuramah ialah:

- i. Sebahagian anggota-anggota Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis seperti Sahibul Fadhilah Ustaz Dahlan bin Mohd Zain dan Sahibul Fadhilah Tuan Haji Abdul Hadi bin Othman.
- ii. Pegawai Istinbat Jabatan Mufti Perlis Temuramah dengan Ustaz Roslan Md Esa.
- iii. Urusetia kepada Mufti Perlis, Ustaz Muhammad Yazid.
- iv. Pegawai Pembantu Tadbir, Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs), Ustazah Sobariah Bt. Mad Junid.

1.7.5 Metode Penentuan Subjek

Metode penentuan subjek bermaksud suatu perkara yang melibatkan orang (objek) atau benda yang ingin dikaji. Metode ini membincangkan bagaimana cara suatu perkara yang hendak dikaji ditentukan secara khusus.³⁸

Dalam kajian ini, metode persampelan atau sampling akan digunakan, melibatkan beberapa perkara iaitu lokasi kajian, sampel kajian, dan objek kajian. Lokasi kajian bagi penyelidikan ini adalah badan yang bertanggung jawab untuk memutuskan fatwa di Perlis iaitu Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. Manakala lokasi penyelidikan juga di Perlis dan akan dimuatkan nanti dalam bab ketiga. Perkara yang menjadi kajian ini adalah berkenaan

³⁸ Kenneth D. Balley (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, Hashim Awang (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 121; lihat juga Mohd Akram bin Dahaman@Dahlan, *op.cit.*, hal. 14.

dengan sejarah perkembangan Islam di Perlis, sejarah penubuhan Jawatankuasa Syariah, keahlian dan proses pengeluaran fatwa. Sampel kajian pula adalah fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis dari tahun 1998 sehinggalah tahun 2008. Sedangkan objek bagi kajian ini adalah *al-masalih al-mursalah* yang merupakan salah satu rujukan yang digunakan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis ketika memfatwakan sesuatu hukum. Perkara ini adalah merupakan kemuncak kepada kajian ini yang dimuatkan dalam bab empat supaya dapat dianalisis dengan baik dan teratur.

1.7.6 Metode Penafsiran dan Penulisan

Setelah selesai melakukan pengumpulan data dan fakta melalui salah satu daripada metode di atas, data-data dan maklumat yang diperolehi akan ditafsirkan pula melalui beberapa metode di bawah bagi menghasilkan disertasi yang sempurna iaitu:

1.7.6.1 Metode Induktif (الإستقراء)

Metode penyelidikan ini ialah dengan menggunakan sekumpulan maklumat yang telah dikumpulkan dan mencari hubungan dengan data lain yang ada. Proses ini menghasilkan kesimpulan yang umum berdasarkan kepada hukum yang sama dengan data yang khusus.³⁹ (هُوَ الْحُكْمُ عَلَى الْكُلِّيِّ لِثُبُوتِ ذَلِكَ الْحُكْمِ فِي الْجُزْئِيِّ)⁴⁰

Kesimpulan yang dibuat ini dapat memberikan idea dan penemuan baru secara menyeluruh. Kesannya supaya dapat merumus, membuktikan, menolak hipotesis asal atau menjelaskan lagi objektif kajian. Sebagai contoh, data-data yang ada dalam bab tiga, berkenaan dengan undang-undang berkaitan dengan proses yang harus dilalui Jawatankuasa Syariah untuk

³⁹ S. Hadi Broto (1965), *Metod Research*, (t.p), hal. 13; lihat juga Mohd Akram bin Dahaman@Dahlan, op.cit., hal. 20.

⁴⁰Jamil Saliba (1982), *Al-Mu'jam al-Falsafi bi Alfaz al-'Arabiyyah wa al-Faransiyyah wa al-Inkiliziyah wa al-Latiniyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnaniyyah, jld. 1, hal. 71.

mengeluarkan fatwa. Semua undang-undang tersebut merupakan (data khusus) akan dirumus menjadi satu kesimpulan yang umum iaitu gambaran yang menyeluruh tentang tata cara pelaksanaan proses fatwa bermula dari awal hingga fatwa dikeluarkan.

1.7.6.2 Metode Deduktif (الإِسْتِنَاحُ)

Pendekatan ini adalah bertentangan dengan metode induktif di atas iaitu mengeluarkan kesimpulan daripada penemuan (اسْتِخْرَاجُ النَّتَائِجِ مِنَ الْمُبْدَأَاتِ).⁴¹

Secara lebih jelas, metode induktif memberikan idea manakala metode deduktif pula untuk menguji idea tersebut sama ada boleh diterima ataupun ditolak secara sebahagian atau keseluruhan. Beberapa ujian yang boleh dilakukan ialah seperti melakukan deduksi bandingan, analisis dan sintesis (menyatukan data). Metode ini dapat dipraktikkan dalam kajian ini pada bab dua tentang konsep *masalah* dan *maqasid al-syari'ah* yang akan dijadikan sebagai kayu ukur kepada analisis bab empat.

1.7.6.3 Metode Analisis

Analisis yang dilakukan ialah dengan memecahkan persoalan besar kepada beberapa persoalan kecil ataupun aspek-aspek tertentu. Seterusnya, setiap persoalan atau aspek itu akan dikaji dengan secara mendalam untuk mendapatkan satu relevansi dan korelasi diantara peranan data-data kepada objektif kajian. Diantara metode analisis yang digunakan ialah analisis kandungan khususnya kepada bahan-bahan sejarah bagi mendapatkan maklumat berhubung keadaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat dan amalan semasa. Metode seperti ini akan digunakan dalam bab dua tentang kemasukan Islam ke Perlis dan perkembangannya hingga wujudnya kefahaman *ahl al-Sunnah wa al-*

⁴¹ *Ibid.*, hal. 75.

Jama'ah di Negeri Perlis. Manakala bagi sumber-sumber hukum Islam, metode-metode seperti (*manhaj*) *al-naqli*, *fiqh*, *usul al-fiqh*, *qawa'id fihiyyah* turut digunakan.⁴² Ini akan digunakan dalam bab empat ketika menganalisis fatwa Jawatankuasa Negeri Perlis tentang penggunaan *maslahah*.

1.7.6.4 Metode Komparatif

Metode ini ialah melakukan perbandingan diantara beberapa data, faktor-faktor dan pendapat yang berjaya dikumpulkan supaya satu susunan perselisihan pandangan dan punca-punca berlakunya perselisihan tersebut dapat dikenal pasti di dalam satu kesimpulan seperti penerimaan terhadap sesuatu *maslahah* dan keadaan persekitaran. Contohnya penerimaan masyarakat Eropah tentang amalan minum arak. Ia dianggap sebagai kebaikan (*maslahah*) ketika musim sejuk, demikian juga keadaan lingkungan mereka yang mendukung penerimaan minum arak dalam masyarakat Eropah.

Dapatan ini akan memudahkan kajian seterusnya seperti mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani perselisihan ini atau untuk memilih pandangan yang paling sesuai dengan keadaan dan isu semasa.⁴³ Secara tidak langsung, kajian akan dapat mengetahui hakikat sebenar persoalan yang cuba dibincangkan dengan lebih detil dan menyeluruh di samping membantu menguatkan lagi fakta-fakta langsung yang diperolehi melalui siasatan temubual.

Kaedah ini digunakan dalam bab empat bagi membuat perbandingan antara fatwa yang dikeluarkan dari sudut penggunaan *masalih al-mursalah* sebagai salah satu sandaran hukum dan ketepatan penggunaannya dari segi *maqasid al-syari'ah*.

⁴² 'Abd al-Hadi al-Fadli (1992), *Usul al-Baith*. Beirut: Dar al-Muarrikh al-'Arabi, hal. 52.

⁴³ Michael Armer, Allan D. Ghirmgham (t.t), *Comparative Social Research: Methodological Problem and Strategies*. New York: John Willen and Son, hal. 5.

BAB 2

AL-MASALIH AL-MURSALAH DAN MAQASID AL-SYARI‘AH SEBAGAI SATU METODE ISTINBAT AL-AHKAM DAN KAITAN ANTARA KEDUANYA

2.0 Pendahuluan

Islam dengan syariatnya sebagai agama yang diredai Allah,¹ telah mampu mewujudkan kebahagiaan dan *kemaslahatan* bagi penganutnya di atas muka bumi ini. Apabila Islam dengan syariatnya telah mampu untuk memenuhi *emaslahatan* umatnya, yang perlu ditanyakan, apakah cara atau metode yang digunakan syarak untuk memenuhi ataupun mewujudkan *kemaslahatan* itu? Apakah syarak dalam mewujudkan *kemaslahatan* ini datang dengan nas yang terperinci pada setiap peristiwa yang berlaku? Ataukah syarak hanya membawa ketentuan-ketentuan umum sahaja? Jika syarak tidak datang dengan dalil yang terperinci, bagaimanakah metode yang ditempuh seorang ahli *faqih* untuk mewujudkan *kemaslahatan* yang dikehendaki syarak terhadap masalah baru yang belum ada dalilnya? Bolehkah bagi seorang *faqih* ketika memfatwakan hukum yang dilandaskan kepada *masalah* menyandarkannya kepada akal semata tanpa perlu merujuk kepada nas syarak? Ataupun mesti merujuk kepada nas-nas syarak? Adakah tujuan asal syarak adalah *kemaslahatan*? Ataukah (kadang-kadang) syarak bertentangan dengan *masalah*? Apakah panduan *faqih* dalam memfatwakan hukum demi untuk mewujudkan *kemaslahatan* kepada umat manusia?

Untuk menjelaskan perkara di atas maka kajian ini akan dibahagi kepada beberapa perbahasan iaitu perbahasan mengenai sejarah kewujudan *masalah* sebagai

¹ Sebagaimana firman Allah :

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا...

“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu...”

Surah Al-Maidah ayat 3. Lihat *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*, *op.cit.*, hal. 244; lihat juga ‘Abid bin Muhammad Al-Sufyani (1992), *Al-Mustasyriqun*. ed. 2, Jeddah: Dar al-Manarah, hal. 6.

sumber hukum, kemudian diikuti dengan pengertian *al-masalih al-mursalah* dari segi *etimologi* (bahasa) mahupun *terminologi* (istilah), seterusnya penjelasan jenis-jenis *masalah* dan pandangan ulama terhadap keujahan *masalah* serta hubungkait antara *masalah* dengan *maqasid al-syari'ah* dan beberapa contoh penerapan *al-maslahah wa al-maqasid* dalam bidang hukum.

2.1 Sejarah Kewujudan *Al-Masalih Al-Mursalah* Sebagai Sumber Hukum

Pada zaman pensyariatkan hukum (zaman turunnya wahyu) umat Islam hanya berpegang kepada dua rujukan dasar iaitu al-Quran dan al-Sunnah. *Ijtihad* ketika itu masih belum diiktiraf sebagai kaedah menentukan hukum memandangkan kepada aspek idealisme Islam masih lagi belum selesai kerana wahyu masih terus turun.² Oleh yang demikian, *ijtihad* ketika tersebut hanya bersifat sementara sahaja. Kemudian wahyu turun menentukan hukum sebenarnya, sama ada *ijtihad* tersebut tepat atau tidak tepat. Ketika kewafatan Nabi sudah dekat, idealisme Islam telah sempurna melalui wahyu. Tinggal lagi yang perlu dilakukan adalah mengembangkan dasar tersebut yang dapat dilakukan dengan *ijtihad*. Bagaimanapun, *fuqaha'* semenjak zaman sahabat lagi berbeza pandangan. Pada mulanya tidak begitu ketara, tapi lama kelamaan perbezaan semakin ketara, terutama apabila sahabat telah tersebar keluar dari Madinah mencari destinasi masing-masing ke seluruh dunia Islam.³

Oleh yang demikian, semenjak kewafatan Nabi, *ijtihad* terus berfungsi sebagai cara penyelesaian kepada perkara-perkara baru yang dihadapi umat Islam dan memperkembangkan idealisme Islam.⁴ Dengan itu bermulalah suatu periode baru dalam

² Syed Muhammad Musa Tawana (1972), *Al-Ijtihad wa Mada Hajatina Ilaihi fi Hadha al-'Asr*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, hal. 237-297

³ Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Fi Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar Al-Fikr Al-'Arabi, hal. 15-16.

⁴ Wizarah al-Awqaf wa al-Syuun al-Islamiyyah (1983), *Al-Mawsu'ah Al-Fiqhiyyah*. Kuwait. Wizarah Al-Awqaf wa Al-Syuun Al-Islamiyyah, jld. 1, hal. 25-27.